

# AKTA BAHASA KEBANGSAAN 1967: ISU, REAKSI DAN CABARAN

---

Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus  
Sharifah Darmia binti Sharif Adam

## Abstract

*This article expounds the development of the Malay language in Malaysia after 10 years of independence, specifically in the aspects of administration and education. Therefore, the discussion has been focused in relation to compliance of the National Language Act 1967 which includes issues, reactions and challenges during that period. This is due to the government efforts to pass the 1967 National Language Act consecutively to maintain the standard of the Malay language in accordance with Article 152 of the Federal Constitution. Furthermore, the 1967 National Language Act has been elaborated in Dewan Rakyat (Parliament) on 23<sup>rd</sup> February 1967 by Tunku Abdul Rahman, the Prime Minister of Malaysia and passed on 3<sup>rd</sup> March 1967. This act come into force on 1<sup>st</sup> September 1967, 10 years after Malaysia gained independence. However, the declaration of this act elicited various reactions among the Malays, non-Malays and a few organizations.*

## Pengenalan

Asal usul bahasa Melayu dapat dilihat melalui kajian ahli-ahli bahasa yang menggolongkan bahasa Melayu ke dalam keluarga bahasa Melayu *Polynesia* atau *Oceanic* atau *Austronesia*. Bahasa ini digunakan di kawasan yang luas mulai dari Pulau Farnosa hingga ke New Zealand dan dari Madagascar hingga ke Pulau Easter.<sup>1</sup>

Selain itu, penyelidik bahasa juga menyatakan bahawa bahasa Melayu mempunyai pertalian dengan bahasa-bahasa *Austro-asia* yang meliputi bahasa Munda di India Tengah; bahasa khassi di Assam; bahasa Mon atau Talaig dan Khemer atau Kemboja di Indochina.

Ketika zaman pemerintahan kesultanan Melayu Melaka, perkembangan bahasa Melayu semakin meluas dan digunakan bukan sahaja di sekitar Selat Melaka tetapi dari hujung utara Sumatera hingga ke selatan, menyeberang ke Pulau Jawa, Kalimantan, Sulawesi sehingga ke Pulau Maluku. Bahasa Melayu telah dijadikan bahasa perantaraan, bahasa penghubung antara raja-raja, bahasa perdagangan dan bahasa ilmu.<sup>2</sup> Justeru, tidak hairan apabila bahasa Melayu telah menjadi *lingua franca* di Semenanjung Tanah Melayu dan di sepanjang persisiran timur pulau Sumatera.<sup>3</sup>

Kehadiran British di Tanah Melayu telah dianggap sebagai penjajah yang telah melemahkan bahasa Melayu dan melihat identiti orang Melayu sebagai pemilik Semenanjung Tanah Melayu sedikit demi sedikit akan terhapus tanpa penggunaan bahasa Melayu. Justeru itu, abad ke-19 dan awal abad ke-20 menyaksikan bangkitnya kesedaran dalam kalangan orang Melayu untuk mendaulatkan bahasa Melayu.<sup>4</sup> Perjuangan untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini semakin kemuncak sewaktu menghampiri detik kemerdekaan.

Suruhanjaya Reid yang dibentuk untuk mendraf perlembagaan Tanah Melayu yang merdeka telah bermesyuarat sebanyak 118 kali antara bulan Jun hingga bulan Oktober 1956. Suruhanjaya ini menerima 131 cadangan daripada parti politik, persatuan dan orang perseorangan. Oleh itu, untuk mengkaji kesemua cadangan tersebut, bandar Rom, Itali telah dipilih sebagai tempat perbincangan mereka.<sup>5</sup> Suruhanjaya ini sebulat suara menerima cadangan Perikatan untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sementara bahasa-bahasa lain boleh digunakan dalam masa 10 tahun selepas merdeka.

Cadangan Suruhanjaya Reid diumumkan pada Februari 1957 dan diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan pada Jun 1957 seterusnya mula dikuatkuasakan pada 31 Ogos 1957. Antara keputusan suruhanjaya ini adalah mengekalkan kedudukan istimewa orang Melayu termasuklah bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu. Selain itu, Suruhanjaya Reid juga telah membuat pindaan berkaitan soal bahasa dengan mengemukakan cadangan supaya bahasa Cina dan bahasa Tamil boleh digunakan dalam Parlimen dan Dewan Negeri. Cadangan ini ditolak oleh kerajaan tetapi bahasa Cina dan bahasa Tamil masih boleh menggunakan bahasa masing-masing sebagai bahasa pengantar di sekolah rendah telah diterima. Sebenarnya, pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan seperti yang terdapat dalam cadangan Suruhanjaya Reid dan sebagaimana yang dikehendaki oleh Perikatan sebagai ganti rugi kepada orang Melayu bukanlah suatu dasar yang baru. Tetapi cadangan itu merupakan satu lanjutan daripada dasar yang telah dibentuk sebelum merdeka. Ini disebabkan pihak pentadbiran British sejak kedatangannya telah menjadikan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi pentadbiran negeri-negeri Melayu.<sup>6</sup>

Apabila Persekutuan Tanah Melayu mendapat kemerdekaan pada tahun 1957, kerajaan telah meluluskan Perkara 152 (1) menjadi undang-undang untuk menguatkuasakan bahawa bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan bagi Persekutuan.<sup>7</sup> Dalam Perkara 152 (1) disebut dengan jelas bahawa bahasa kebangsaan adalah bahasa Melayu dan akan kekal seperti itu, seperti yang diperuntukkan oleh parlimen dengan peruntukan bahawa tidak akan ada seorang pun yang akan dihalang dari menggunakan (kecuali hal-hal rasmi) atau mengajar atau mempelajari bahasa-bahasa lain dan tidak ada sebarang peruntukan dalam perkara ini yang boleh mengganggu hak kerajaan Persekutuan atau sebarang kerajaan Negeri untuk memelihara dan memperkembangkan penggunaan dan pengkajian bahasa komuniti lain.<sup>8</sup>

Penggubalan Perkara 152 (1) ini sebenarnya telah merealisasikan impian dan tuntutan para pejuang bahasa Melayu yang sekian lama mengimpikan kejayaan pendaulatan bahasa Melayu. Oleh itu, pemberian taraf kebangsaan telah meletakkan bahasa Melayu secara automatik menjadi bahasa perantaraan untuk digunakan dalam semua maksud rasmi. Namun begitu, semua bahasa lain walaupun boleh diajar dan dipelajari tetapi hanya boleh digunakan untuk tujuan "selain daripada maksud rasmi".<sup>9</sup> Ertinya, walaupun bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, perlembagaan tidak melarang sesiapa pun mengajar dan mempelajari bahasa-bahasa lain. Perlembagaan juga tidak melarang bahasa-bahasa lain digunakan untuk maksud-maksud yang bukan rasmi. Ini sekaligus turut menjelaskan bahawa bahasa-bahasa selain daripada bahasa kebangsaan tidak boleh digunakan dalam hal-hal yang rasmi.

Di samping itu, perlembagaan juga tidak menyentuh apa-apa hak yang dipunyai oleh kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri untuk mengekalkan dan mengamalkan penggunaan dan pembelajaran bahasa-bahasa kaum lain dalam persekutuan ini.<sup>10</sup> Justeru, jelas bahawa pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di negara ini tidak mendiskriminasi atau menghapuskan bahasa-bahasa kaum lain. Malahan hak setiap bahasa asing itu tetap terpelihara dalam Perlembagaan Malaysia.

Terdapat satu lagi perkara penting dalam penggubalan Perkara 152 (1) iaitu perlembagaan telah membuat peruntukan dalam tempoh sepuluh tahun selepas merdeka, bahasa Inggeris boleh digunakan dalam urusan-urusan rasmi.<sup>11</sup> Tun Mohd. Salleh Abas, *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia*, hlm. 310-311. Dalam tempoh masa sepuluh tahun tersebut bahasa Inggeris boleh digunakan:

Ini bermakna, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, bukan sahaja menetapkan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi negara ini tetapi dalam masa yang sama, bahasa Inggeris juga boleh digunakan untuk urusan rasmi.<sup>12</sup> Peruntukan ini dibuat kerana memandangkan kesusahan yang akan berlaku jika bahasa Inggeris dihentikan terus penggunaannya pada tahun itu. Tindakan ini dibuat memandangkan ketika itu, Persekutuan Tanah Melayu baru

mendapat kemerdekaan dan bahasa Inggeris digunakan secara rasmi dalam semua lapangan. Justeru, tentulah sukar untuk menukar bahasa Inggeris dengan bahasa kebangsaan dengan serta-merta. Disebabkan itu menurut perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, peruntukan tersebut akan berkuatkuasa sehingga parlimen bersidang untuk menentukan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal menggantikan bahasa Inggeris selepas sepuluh tahun negara mencapai kemerdekaan. Namun demikian, peruntukan sedemikian sudah pasti akan menjejaskan pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi.

### **Pencapaian Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan Selepas 10 Tahun Merdeka**

Perkembangan bahasa kebangsaan selepas 10 tahun kemerdekaan negara perlu dinilai kerana menurut Perlembagaan Persekutuan yang dibentuk pada tahun 1957, terkandung Perkara 152 (1) yang telah menetapkan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi Persekutuan. Dalam tempoh yang sama pula bahasa Inggeris masih boleh digunakan sebagai bahasa rasmi bersama-sama dengan bahasa Melayu.<sup>13</sup> Keadaan ini mewujudkan persaingan antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Persaingan tersebut telah menyukarkan usaha memajukan bahasa kebangsaan. Oleh itu, menjelang tahun 1967 Parlimen telah bersidang untuk menimbangkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal. Ketika itu, kerajaan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka telah menjalankan kajian soal selidik dengan mengedar borang-borang soal selidik kepada setiap kementerian, jabatan, lembaga dan perbadanan kerajaan serta pihak swasta. Ia bertujuan untuk meninjau sejauh manakah bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara digunakan oleh kakitangan kerajaan dalam lapangan pentadbiran.

Hasil tinjauan yang dibuat mendapati bahawa peratus penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ialah, 85 peratus Pejabat Kerajaan Negeri, 71 peratus Kementerian, 58 peratus Jabatan dan Ibu Pejabat Kerajaan Persekutuan serta 56 peratus Lembaga dan Perbadanan.<sup>14</sup> Peratusan yang melebihi 50 peratus menunjukkan pertumbuhan yang positif kepada perkembangan bahasa kebangsaan dalam bidang pentadbiran. Berdasarkan tinjauan ini juga, dapatlah disimpulkan bahawa bahasa kebangsaan berupaya untuk menjadi bahasa yang digunakan dalam semua peringkat pentadbiran kerajaan.

Dalam bidang pendidikan, perkembangan bahasa kebangsaan pada tahun 1967 dapat dilihat melalui penubuhan sekolah rendah dan sekolah menengah yang menggunakan bahasa pengantar adalah bahasa kebangsaan ditunjukkan dalam jadual 1 dan jadual 2:

Jadual 1. Bilangan Sekolah Rendah Mengikut Aliran Pada Tahun 1967

Aliran	Bilangan
Melayu	2,324
Inggeris	367
Cina	990
India	686
Jumlah	4,367

Sumber: *Revised Report of the Royal Commission on the Teaching Services, West Malaysia*, Chairman Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Zain, June 1971, Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan, 1971, hlm. 32.

Jadual 2. Bilangan Sekolah Menengah Mengikut Aliran Pada Tahun 1967

Aliran	Bilangan
Melayu	298
Inggeris	408
Jumlah	706

Sumber: *Revised Report of the Royal Commission on the Teaching Services, West Malaysia*, Chairman Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Zain, June 1971, Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan, 1971, hlm. 32.

Sementara itu, berhubung dengan soal peperiksaan pula, Encik Mohd Khir Johari yang memegang jawatan sebagai Menteri Pelajaran Malaysia ketika itu telah membuat pengumuman bahawa daripada 91,000 orang murid yang memasuki Peperiksaan Penilaian Darjah Lima pada tahun 1967, terdapat seramai 45,000 orang yang tidak lulus dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Daripada jumlah itu, 13,000 orang murid pula tidak dapat dikira markahnya kerana tidak dapat menjawab sama sekali.<sup>15</sup>

Keadaan ini menunjukkan dengan jelas bahawa pelaksanaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar dalam bidang pendidikan masih belum dapat dikembangkan sepenuhnya. Ini disebabkan kesulitan yang terpaksa dihadapi kerana bahasa Inggeris bukan sahaja menyebabkan orang tempatan di negara ini tidak bertutur menggunakan bahasa kebangsaan, bahkan mengembangkan bahasa itu sebagai bahasa ilmu pengetahuan. Selain itu, ia juga disebabkan sikap mendewakan bahasa Inggeris dan memandang rendah serta tidak yakin pada bahasa sendiri. Kesemua hal tersebut sudah tentu akan memberikan kesan terhadap perkembangan bahasa kebangsaan.

Justeru, pada pertengahan bulan Januari 1967, Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Sekolah Kebangsaan (KKGSK) telah menghantar wakilnya untuk



bertemu dengan Menteri Pelajaran yang diwakili oleh setiausaha politiknya, Sharif Ahmad.<sup>16</sup> Tindakan ini diambil untuk mendesak kerajaan supaya segera melaksanakan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar di sekolah selepas bahasa kebangsaan dilaksanakan sepenuhnya pada 1 September 1967. Ini disebabkan KKGSK berpendapat sekiranya bahasa kebangsaan masih tidak digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah jenis kebangsaan, pelaksanaannya sebagai bahasa rasmi tidak memberi apa-apa makna.

Selain itu, orang Melayu dan para pejuang bahasa Melayu menganggap tahun 1967 merupakan tahun permulaan untuk menjadikan bahasa Melayu digunakan sepenuhnya bagi menggantikan bahasa Inggeris. Namun demikian, kerajaan yang enggan melaksanakan pendidikan aliran kebangsaan telah mewujudkan kegusaran kepada para pejuang bahasa. Akibatnya, berlaku protes dan tunjuk perasaan dalam kalangan mahasiswa di Universiti Malaya.

Sementara itu, Tunku Abdul Rahman dalam ucapannya ketika merasmikan pembukaan Sekolah Menengah Abdullah Munshi telah memberikan 3 sebab mengapa bahasa kebangsaan tidak dapat digunakan sepenuhnya dalam bidang pentadbiran dan pelajaran. Pertama, akibat terhentinya kerjasama bahasa antara Indonesia dan Malaysia disebabkan timbulnya konfrontasi antara kedua-dua negeri tidak lama dulu. Kedua, tidak ada pakar-pakar yang hendak menterjemahkan undang-undang dan lain-lainnya dengan betul. Ketiga, Dewan Bahasa dan Pustaka telah dijadikan sarang tempat main politik dan tidak menumpukan sepenuh tenaga untuk memperkayakan bahasa kebangsaan.<sup>17</sup>

Berdasarkan kenyataan Tunku ini jelaslah bahawa kesulitan yang dihadapi dalam mengembangkan bahasa kebangsaan bukanlah semata-mata akibat kelemahan dasar kerajaan yang tidak tegas dalam pelaksanaannya tetapi juga disebabkan oleh faktor-faktor lain. Antara lain konfrontasi yang dilancarkan oleh Indonesia pada tahun 1963 terhadap penubuhan Malaysia telah membantutkan rancangan kerjasama bahasa yang pernah dipersetujui antara Indonesia dan Malaysia sebagaimana yang terkandung dalam Perkara 6 Perjanjian Persahabatan pada tahun 1959.<sup>18</sup> Kerjasama kebahasaan yang diharap akan membantu mempercepatkan kemajuan dan perkembangan bahasa Melayu di Malaysia seperti kemajuan bahasa Melayu di Indonesia terpaksa dihentikan buat seketika ekoran konfrontasi. Keadaan ini sudah pasti akan menyulitkan usaha perkembangan bahasa Melayu di Malaysia. Kerjasama ini penting kerana kemajuan bahasa Melayu di Indonesia adalah jauh lebih besar berbanding bahasa Melayu di Malaysia.<sup>19</sup>

### **Pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan 1967**

Tahun 1967 merupakan satu fasa penting dalam sejarah perkembangan bahasa kebangsaan di Malaysia. Ini ekoran daripada peruntukan yang diwujudkan dalam Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang

menjamin penetapan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal bagi negara Persekutuan.<sup>20</sup> Ini disebabkan sebagaimana yang terkandung dalam Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan yang telah menetapkan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi Persekutuan dan pada masa yang sama juga bahasa Inggeris masih boleh digunakan sebagai bahasa rasmi bersama-sama dengan bahasa Melayu. Oleh itu, untuk merealisasikan hasrat yang terkandung dalam Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, kerajaan mengumumkan satu Akta untuk menentukan kedudukan bahasa kebangsaan di negara ini. Akta tersebut dikenali sebagai Akta Bahasa Kebangsaan 1967 yang dibentangkan dalam Dewan Rakyat (Parlimen) pada 23 Februari 1967 oleh Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman<sup>21</sup> dan diluluskan pada 3 Mac tahun tersebut.<sup>22</sup> Ia akan dikuatkuasakan tepat sepuluh tahun selepas hari merdeka, iaitu pada 1 September 1967.<sup>23</sup> (Sila rujuk lampiran).

Berdasarkan isi kandungan akta tersebut, nyatalah bahasa kebangsaan masih disaingi hebat oleh bahasa Inggeris. Harapan orang Melayu untuk melihat pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal pada tahun 1967 telah berkecai sama sekali.<sup>24</sup> Malahan tindakan kerajaan Perikatan meluluskan Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan dianggap merugikan bangsa Melayu. Kelulusan akta tersebut bukan sahaja telah memberi kejutan besar tetapi menyebabkan pelbagai reaksi dalam kalangan orang Melayu. Manakala, para pejuang bahasa pula menganggap Akta Bahasa Kebangsaan 1967 sebagai satu tragedi dalam perjuangan untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi tunggal bagi negara ini.

Kelulusan Akta Bahasa Kebangsaan pada 3 Mac 1967 mendapat tentangan yang hebat daripada pelbagai pihak kerana dianggap sebagai menyeleweng daripada cita-cita bangsa Melayu dalam pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal di negara ini. Ketika itu, kerajaan pimpinan Perikatan mendapat kecaman dan pelbagai tohmahan. Malahan Tunku Abdul Rahman dianggap menyimpang daripada janjinya kepada bangsa Melayu. Ini kerana Akta Bahasa Kebangsaan dianggap tidak memenuhi hasrat yang mahukan bahasa Melayu didaulatkan dalam ertikata sebenar. Malahan Akta Bahasa Kebangsaan itu dilihat telah memperkuatkan lagi kedudukan bahasa Inggeris dalam segala lapangan kehidupan rakyat.<sup>25</sup>

Sebenarnya, sebab-sebab penentangan orang Melayu terhadap Akta Bahasa Kebangsaan 1967 dapat difahami dengan jelas apabila isi kandungannya diteliti secara lebih mendalam. Dalam Fasal 3 misalnya, ia telah membenarkan penggunaan terjemahan dalam bahasa mana-mana kaum di negara ini yang membolehkan terjemahan itu mempunyai taraf rasmi.<sup>26</sup> Malahan Tunku Abdul Rahman juga menyatakan di Parlimen pada 3 Mac 1967 berhubung soal Fasal 3, beliau menyatakan

Jadi, apa yang telah saya terangkan dahulu itu kuasa yang hendak terjemah dan yang hendak dirasmikan, ini kuasa kerajaan. Jadi tentulah tiap-tiap satu perkara adalah kena dapat kebenaran kerajaan, baru hendak boleh diterjemah dan terjemah itu hendak diterima sebagai rasmi.<sup>27</sup>

Kebenaran secara tidak langsung ini telah membolehkan bahasa-bahasa lain mempunyai taraf rasmi dan menyebabkan orang Melayu menganggap Fasal 3 sebagai bertentangan dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, kerana berdasarkan Perlembagaan tersebut hanya bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sahaja yang mempunyai taraf bahasa rasmi.<sup>28</sup> Oleh itu, pemberian hak penterjemahan dan taraf rasmi kepada bahasa lain dalam urusan kerajaan telah menimbulkan kemarahan dan kekecewaan kepada orang Melayu.

Seterusnya, Fasal 4 dilihat semata-mata bertujuan mengelabui mata orang Melayu sahaja kerana tindakan memberi kuasa kepada Yang Di-Pertuan Agong untuk membenarkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi<sup>29</sup> sebenarnya bererti memberi kuasa kepada Jemaah Menteri (kabinet). Ini disebabkan Yang Di-Pertuan Agong terpaksa menerima dan mengikut nasihat kabinet. Selain itu, orang Melayu juga berpandangan bahawa perkataan “..yang difikirkan patut..” yang terdapat dalam Fasal 4 amat mudah disalahgunakan.<sup>30</sup> Sebagai contoh, oleh kerana kesukaran untuk menyampaikan maksud-maksud apabila berurusan dengan pegawai-pegawai yang bukan Melayu akan menyebabkan urusan kerajaan terganggu, Jemaah Menteri akan menasihatkan Yang Di-Pertuan Agong bahawa adalah “..difikirkan patut..” supaya bahasa Inggeris digunakan dalam urusan-urusan rasmi. Penggunaan bahasa lain dalam urusan rasmi negara ini bukan sahaja merupakan satu tindakan menyeleweng daripada Perkara 152 Perlembagaan Malaysia tetapi juga dilihat sebagai penghalang kepada perkembangan bahasa kebangsaan.

Sementara itu, Fasal 5 Akta Bahasa Kebangsaan 1967 dengan jelas telah membolehkan bahasa Inggeris digunakan di Parlimen dan Dewan-dewan Negeri. Hal ini menunjukkan bahawa kedudukan bahasa Inggeris masih diutamakan. Justeru, orang Melayu yang menentang Akta Bahasa Kebangsaan berpendapat bahawa penggunaan bahasa Inggeris dalam Parlimen tidak akan menggalakkan rakyat Malaysia untuk mempelajari bahasa Melayu sekaligus membantutkan hasrat untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal bagi Malaysia.<sup>31</sup>

Selain itu, Akta Bahasa Kebangsaan 1967 tidak mempunyai had tempoh. Ini bermakna perkara-perkara yang terkandung dalam Fasal 3, Fasal 4 dan Fasal 5 berkemungkinan akan berlanjutan selama-lamanya. Di samping itu, ia juga tidak mengandungi syarat untuk dikaji semula dalam tempoh tertentu. Oleh yang demikian, tidaklah keterlaluan apabila dikatakan bahawa Akta Bahasa Kebangsaan 1967 menyebabkan perkembangan bahasa Melayu



sebagai bahasa rasmi tunggal di negara ini menghadapi kesulitan. Ini berikutan kedudukannya melalui Akta Bahasa Kebangsaan itu bukan sahaja tidak berjaya mengangkatnya menjadi bahasa rasmi yang tunggal tetapi juga terpaksa bersaing lagi dengan bahasa Inggeris.

Keadaan di Kuala Lumpur pada waktu itu amat genting dengan gerakan dan perhimpunan orang-orang Melayu yang menentang kelulusan Akta Bahasa Kebangsaan tersebut. Ketika itu, pihak pembangkang dalam kalangan orang Melayu beranggapan Akta Bahasa Kebangsaan 1967 terlalu bertolak ansur manakala orang bukan Melayu pula menganggap akta tersebut tidak mencukupi untuk menjamin dan mengekalkan kebudayaan dan bahasa mereka.<sup>32</sup> Pelbagai kecaman dan tuduhan yang dilemparkan kepada Perikatan. Walau bagaimanapun, kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman tetap teguh dengan pendirian mereka. Malahan dalam usaha mententeramkan suasana, Perdana Menteri telah membuat pengumuman bahawa beliau akan membuat lawatan ke seluruh negara untuk menerangkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini.<sup>33</sup>

Di samping itu, Tunku juga telah membuat penjelasan mengenai Akta Bahasa Kebangsaan 1967 semasa mengemukakan bacaan kedua Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan di Dewan Rakyat pada 2 Mac 1967.<sup>34</sup> Dalam ucapan tersebut, Tunku telah menyatakan tujuan pembentukan Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan adalah untuk melaksanakan ketetapan yang telah dibuat dalam Perkara 152 Perlembagaan negara berhubung dengan bahasa. Berhubung isu Fasal 3 dalam Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan itu bukanlah bermakna hendak menjadikan bahasa-bahasa lain sebagai bahasa rasmi tetapi adalah untuk membenarkan penggunaan terjemahan daripada mana-mana dokumen atau surat rasmi yang dibuat dalam bahasa kaum lain, yang kerajaan fikirkan mustahak untuk kepentingan awam.<sup>35</sup> Seterusnya berhubung dengan Fasal 4 undang-undang tersebut, pemberian kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong supaya membenarkan bahasa Inggeris digunakan untuk kerja-kerja rasmi menurut sebagaimana yang difikirkan mustahak oleh baginda. Ini adalah untuk menjamin kelicinan jentera pentadbiran kerana walaupun dalam masa sepuluh tahun ini pegawai-pegawai kerajaan telah berusaha untuk mempelajari bahasa kebangsaan tetapi masih ramai di antara mereka yang tidak dapat menguasai bahasa itu. Antara sebabnya ialah ramai pegawai-pegawai kerajaan tersebut telah lanjut umurnya dan sibuk dengan tugas masing-masing sehingga mereka tidak berpeluang untuk mempelajari bahasa kebangsaan dengan sempurna.<sup>36</sup>

Fasal 5 pula dibuat untuk memelihara demokrasi berparlimen yang bertujuan memberikan peluang kepada ahli-ahli Parlimen yang masih lemah dalam bahasa kebangsaan untuk mengemukakan pendapat masing-masing dengan jelas. Selanjutnya, Fasal 6 pula bertujuan untuk menasihati Duli Yang

Maha Mulia Baginda Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong supaya menentukan penggunaan bahasa Inggeris bagi sesuatu naskhah undang-undang supaya dapat difahami dengan tepat untuk menjaga kepentingan awam.

Sementara itu, Fasal 7 membenarkan undang-undang dalam bahasa Inggeris digunakan sehingga kita dapat mengeluarkan undang-undang dalam bahasa kebangsaan. Fasal 8 pula adalah kerana kebanyakan hakim dan peguam di negara ini masih tidak cekap dalam bahasa kebangsaan. Malahan masih terdapat banyak undang-undang bertulis dalam bahasa Inggeris dan belum dapat diterjemahkan. Oleh itu, untuk kepentingan anak guam mereka adalah penting supaya dibenarkan penggunaan bahasa Inggeris dalam percicaraan mahkamah-mahkamah.<sup>37</sup>

Di samping penjelasan ini, Tunku juga melahirkan rasa kecewa terhadap tuduhan yang dilemparkan oleh orang Melayu kepada beliau dan pemimpin UMNO serta Perikatan. Mereka dituduh telah memungkiri janji dan mencabul kedaulatan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi.<sup>38</sup> Sedangkan dalam masa yang sama Tunku telah memberi amaran kepada kaum bukan Melayu supaya tidak menggunakan Fasal 3 sebagai alasan untuk mengelakkan diri daripada mempelajari dan menggunakan bahasa kebangsaan dan sebagai menunjukkan taat setia kepada negara ini, orang bukan Melayu perlu menggunakan bahasa Melayu dengan seluas-luasnya.<sup>39</sup> Agak menarik di hujung ucapannya, Tunku telah menegaskan bahawa beliau dan rakan-rakannya sanggup berhadapan dengan sebarang kemungkinan akibat Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan tersebut. Ini didorong oleh keyakinan dan kepercayaan bahawa untuk memelihara keamanan negara perlu ada satu asas yang dapat memupuk perpaduan rakyat dan Tunku berpendapat bahawa bahasa kebangsaan merupakan satu-satunya faktor untuk mencapai tujuan itu.

Walau bagaimanapun, perlu difahami bahawa Akta Bahasa Kebangsaan 1967 tidak dipakai bagi negeri Sabah dan Sarawak.<sup>40</sup> Sebaliknya peruntukan-peruntukan khas berhubung Sabah dan Sarawak terkandung dalam Perkara 161.<sup>41</sup> Justeru, apa pun yang terkandung dalam Perkara 152, bahasa bumiputera yang digunakan di Sabah dan Sarawak boleh digunakan dalam mahkamah-mahkamah bumiputera atau untuk apa-apa kanun undang-undang dan adat istiadat bumiputera.<sup>42</sup>

Perkara yang menarik, pengumuman Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan 1967 telah mengundang perbahasan dalam sidang Dewan Rakyat (Parlimen) yang berlangsung selama dua hari iaitu pada 2 dan 3 Mac 1967. Ia menjadi isu yang paling hangat diperdebatkan di Parlimen pada tahun tersebut. Malahan, ketika rang undang-undang ini sedang diperdebatkan di Parlimen satu perhimpunan besar-besaran dan penuh sejarah berlangsung di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menentang rang undang-undang tersebut. Perbahasan dan perdebatan mengenai Rang Undang-undang bahasa Kebangsaan 1967 (RUBK) ini merupakan salah satu bahagian terpenting untuk dibincangkan dalam melihat perkembangan bahasa kebangsaan.

RUBK dibentangkan di Parlimen oleh Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman untuk dibahaskan pada jam 10 pagi 2 Mac 1967. Perbahasan di Parlimen ini merupakan satu peristiwa yang penting kerana ia akan menentukan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal di negara ini. Selepas Perdana Menteri selesai membentangkan RUBK, Menteri Kewangan iaitu Tan Siew Sin, bangun berucap untuk menyatakan sokongan dan perasaan sukacita terhadap RUBK kerana rang undang-undang tersebut telah memberikan kelonggaran kepada bahasa lain untuk digunakan dalam urusan rasmi. Malahan beliau telah memberikan pantun yang sangat menarik berbunyi:

Pokok chermai banyak di-kampong,  
Daunnya rindang pokok kuini;  
Ramai-ramai kita menyokong,  
Undang-undang bahasa ini”.

Daunnya rindang pokok kuini,  
Buah-nya lebat manis rasa-nya,  
Undang-undang bahasa ini;  
Membawa ra’ayat bersatu semua.<sup>43</sup>

Kemudian, Tan Sri V.T. Sambanthan yang memegang jawatan Menteri Kerja, Pos dan Telekomunikasi turut berucap untuk menyatakan sokongannya terhadap RUBK.<sup>44</sup> Setelah itu persidangan direhatkan selama 15 minit pada 11.45 dan disambung semula pada jam 12.00 tengah hari.

Perdebatan mengenai RUBK bermula apabila Dato Mohammed Asri bin Haji Muda wakil PAS dari Pasir Puteh bangun membuat ucapan yang menyatakan rasa tidak puas hati dan menuduh kerajaan dan pemimpin-pemimpinnya sebagai mengkhianati janji terhadap orang Melayu berhubung soal untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal pada 1 September 1967. Dalam Ucapannya itu, beliau turut membangkitkan Fasal 4, 5 dan 6 yang terkandung dalam RUBK.<sup>45</sup> Apabila persidangan disambung semula pada jam 4.00 petang, Dato Mohammed Asri telah menyatakan terdapat 2 penyelewengan yang wujud daripada RUBK. Pertama, RUBK telah melakukan penyelewengan terhadap Perlembagaan Fasal 152 dari segi kedudukan bahasa Inggeris. Kedua, penyelewengan wujud dengan tujuan memberikan tempat kepada bahasa-bahasa kaum lain dalam pentadbiran negeri ini seperti yang terdapat dalam Fasal 3 RUBK.<sup>46</sup> Antara lain Dato Mohammed Asri membidas:

Sebab apa yang kami tentang dengan Rang Undang-undang ini ialah tentangan yang berdasarkan kepada kesedaran atas nasib bahasa

kebangsaan yang bersangkutan terus dengan bumiputera negeri ini sendiri sebagai tuan punya dalam negeri ini tetapi hidupnya merana yang tinggal hanya satu-satu sahaja "bahasa kebangsaan" dan yang satu ini pun akan dikorbankan oleh Rang Undang-undang ini sendiri."<sup>47</sup>

Selain itu, dalam menyimpulkan perbahasannya mengenai RUBK Dato Mohammed Asri telah menegaskan pendirian partinya bahawa:

Parti kami PAS-Persatuan Islam Sa-tanah Melayu tidak dapat menerima Rang-undang-undang ini. Parti PAS tidak dapat menerima rang undang-undang ini bukanlah kerana parti kami menentang bahasa kebangsaan. Semua orang tahu pendirian kami, semua orang mengenal pendirian parti kami dalam perkara ini, kami tidak akan berganjak walau apa yang akan terjadi. Kami akan bersama-sama dengan seluruh rakyat yang cinta kepada bahasa kebangsaan. Kami terpaksa menentang rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah seperti yang telah saya huraikan terdahulu daripada ini bahawa rang undang-undang ini tidak menggambarkan implementasi dari Fasal 152 dalam Perlembagaan itu sendiri bukan sahaja tidak menggambarkan bahkan berlawanan samasekali dengan kehendak dan semangat perlembagaan itu sendiri dan jika kita menukek lebih mendalam, kita beranilah mengatakan bahawa Act ini mundur teratur jauh ke belakang dari jarum 31 Ogos 1957. Apa yang kami mahu, Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini ditarik kembali oleh pihak kerajaan dan kemudian daripada itu satu rang undang-undang yang baharu yang benar-benar dapat menggambarkan cita-cita nasional dari rakyat negeri ini; yang benar-benar dapat menggambarkan bahawa bahasa kebangsaan itu didaulatkan sebagai bahasa rasmi, sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal."<sup>48</sup>

Kenyataan Dato Mohammed Asri ini dengan jelas menyatakan pendirian beliau dan juga PAS yang secara terang-terangan menentang dan menggesa kerajaan supaya menarik balik RUBK.

Melihat keadaan ini, Wan Abdul Kadir bin Ismail wakil UMNO dari Kuala Terengganu Utara memberikan ucapan yang menyokong penuh RUBK. Dalam perbahasan petang itu, Wan Abdul Kadir menyatakan pendapatnya bahawa RUBK merupakan rang undang-undang yang realistik dan berpijak di bumi yang nyata, bukannya satu rang undang-undang idelistik yang terapung di awang-awangan. Beliau juga menyatakan bahawa RUBK memenuhi hasrat kebangsaan bagi merasmikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi yang tunggal di negara ini mulai 1 September 1967. Di samping itu, beliau turut menyelar tindakan pemimpin daripada Parti PAS atau bukan yang menentang RUBK sebagai golongan yang hendak merubohkan bahasa kebangsaan.<sup>49</sup> Untuk menguatkan lagi hujahnya dalam menyokong RUBK, Wan Abdul Kadir telah memberikan beberapa ulasan oleh pengarang *Akhbar Harian* dan *Utusan*



*Melayu* yang menyokong RUBK<sup>50</sup> Selain itu, beliau juga turut menyentuh mengenai sikap tidak wajar wakil dari Pasir Puteh berhubung hasratnya hendak melancarkan gerakan yang cuba mengelirukan rakyat di samping mengelirukan maksud RUBK. Di akhir ucapannya beliau turut menghadiahkan sebuah pantun yang berbunyi:

Bukan besi sebarang besi,  
Besi waja Indira Giri;  
Bukan penchuri teriak pencuri,  
Sahaja si-buta tidak nampak matahari.<sup>51</sup>

Satu-satunya wakil bukan Melayu yang mengambil bahagian dalam perbahasan itu sebagai wakil pembangkang yang menentang RUBK ialah, D.R. Seenivasagam wakil daripada Ipoh (Parti Progresif Rakyat). Dalam perbahasannya D.R. Seenivasagam telah mendesak kerajaan supaya bahasa Cina dan Tamil turut digunakan dalam hal-hal rasmi.<sup>52</sup> Beliau menentang RUBK kerana pada pendapatnya, rang undang-undang itu telah tidak memberikan keadilan kepada bahasa Cina dan bahasa Tamil. Selepas D.R. Seenivasagam, wakil PAS iaitu Tuan Haji Abu Bakar Bin Hamzah (Bachok) tidak ketinggalan dalam membahaskan RUBK. Beliau mengesyorkan kerajaan supaya menarik balik RUBK dan mengemukakan rang undang-undang yang baru.<sup>53</sup> Selepas itu, persidangan ditangguhkan selama 15 minit pada jam 5.57 petang dan disambung semula pada 6.25 petang.

Setelah perdebatan disambung semula, wakil Bruas iaitu Chew Biow Chuan (MCA) telah berucap memberikan 100% sokongan terhadap RUBK yang pada pendapatnya sangatlah adil, berpatutan dan boleh mewujudkan perpaduan serta keamanan dalam negara ini.<sup>54</sup> Selepas itu, Tuan Mustapha wakil dari Tanah Merah (PAS) pula bangun menentang RUBK dan menyatakan pendirian mereka hanyalah untuk menentang RUBK bukan bahasa kebangsaan. Dalam perbahasannya itu, beliau mengkritik sikap Perikatan dan UMNO yang menurutnya terlalu bertolak ansur dengan kaum Cina dan India terutamanya dalam soal menentukan kedudukan bahasa kebangsaan. Di hujung perbahasannya itu juga beliau telah menggesa kerajaan supaya mengkaji semula RUBK.<sup>55</sup>

Perbahasan kembali hangat apabila Abdul Razak Bin Haji Hussin wakil UMNO dari Lipis pula bangun mengemukakan perbahasannya yang menyokong penuh kerajaan supaya meluluskan RUBK. Beliau juga turut menyatakan bahawa tindakan PAS yang menggesa kerajaan supaya menarik balik RUBK sebagai tindakan yang mengambil kesempatan semata-mata untuk menjatuhkan maruah Perikatan. Pandangan beliau ini turut disokong oleh Khaw Kai-Boh (Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan). Namun begitu, wakil PAS dari Pasir Mas Hulu, Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji tetap menegaskan sokongannya terhadap penentangan RUBK oleh wakil dari Pasir

Puteh. Apa yang menarik dalam hujahnya, beliau menyatakan semasa perbahasan RUBK di parlimen sedang berlangsung, tidak terdapat akhbar-akhbar yang menentang; hanya terdapat sokongan terhadap RUBK. Berhubung hal itu, beliau mendakwa bahawa kerajaan sebenarnya tidak membenarkan televisyen, surat khabar dan radio untuk menyiarkan sebarang ulasan daripada suara-suara yang menentang RUBK.<sup>56</sup>

Berdasarkan perbahasan yang berlangsung di Parlimen pada 2 Mac 1967, jelaslah memperlihatkan betapa RUBK ditentang hebat oleh wakil-wakil PAS dan juga oleh parti pembangkang lain seperti Parti Progresif Rakyat. Dalam perbahasan itu, wakil-wakil Parti PAS menuduh pemimpin UMNO yang merangka RUBK telah menyeleweng dari dasarnya. Selain itu, mereka juga turut mendakwa bahawa tindakan kerajaan untuk meluluskan RUBK merupakan tindakan penguburan bangsa Melayu dan bahasa Melayu. Wakil PAS dari Pasir Puteh, Dato' Mohammed Asri bin Haji Muda merupakan pembangkang yang paling lantang menyuarakan penentangannya terhadap RUBK. Beliau disokong pula oleh ahli-ahli PAS yang lain. Sementara itu, parti-parti komponen Perikatan seperti MCA dan MIC telah memberikan sokongan terhadap RUBK.

Perbahasan mengenai RUBK disambung semula pada 3 Mac 1967. Ketika itu perdebatan di Parlimen didapati semakin hangat. Wakil PAS iaitu Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji (Pasir Mas Hulu), menyambung semula perbahasannya yang tertangguh semalam. Dalam perbahasannya kali ini, beliau menegaskan pendiriannya untuk menentang RUBK sekeras-kerasnya. Beliau telah mengemukakan tiga cadangan mengenai RUBK. Pertama, RUBK ditarik kembali dan digantikan dengan rang undang-undang lain yang tidak ada Fasal 3, Fasal 4, Fasal 5 dan Fasal 6. Kedua, meminta kerajaan mempersembahkan RUBK ke sidang Majlis Raja-raja Melayu sebelum meluluskannya. Ketiga, sudah sampai masanya kerajaan meletakkan jawatan dan mengadakan satu pilihanraya baru meminta mandat dari rakyat dan pilihan raya itu hendaklah diasaskan di atas rang undang-undang ini.<sup>57</sup>

Berikutan itu, dalam menjawab segala tuduhan dan fitnah yang dilemparkan serta tuntutan oleh pihak pembangkang PAS, Tun Dr Ismail (UMNO) yang memegang jawatan sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam dan Kehakiman menjawab tuduhan itu dengan menyatakan bahawa ahli Pasir Puteh telah menyalahgunakan semangat kebangsaan yang boleh membinasakan negara. Beliau turut menjelaskan bahawa tindakan Perikatan bertolak ansur atas soal bahasa kebangsaan adalah kerana demi kepentingan negara.<sup>58</sup> Turut membahaskan RUBK ialah Dr. Tan Chee Khoon (Batu) yang merupakan ahli Barisan Sosialis. Dalam perbahasannya beliau menyentuh mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan tua, pelajar dan doktor bukan Melayu dalam mempelajari dan menggunakan sepenuhnya bahasa kebangsaan.<sup>59</sup>

Selain itu, dalam kehangatan perbincangan pada hari tersebut, Tun Haji Abdul Razak (Timbalan Perdana Menteri) turut mengambil bahagian. Dalam ucapannya, beliau telah menerangkan secara terperinci mengenai butir kandungan dalam RUBK. Beliau turut memuji wakil MIC dan MCA yang menyokong RUBK dan berjanji tidak akan sekali-kali menggunakan Fasal 3 untuk menuntut supaya bahasa Cina dan Tamil menjadi bahasa rasmi. Malahan mereka menerima bahasa kebangsaan menjadi bahasa rasmi yang tunggal. Di samping itu, mereka juga tidak akan menuntut taraf atau status multi-lingualism ataupun semi- multilingualism.<sup>60</sup> Razak juga menyatakan harapannya supaya RUBK diterima bukan sahaja oleh ahli-ahli Parlimen tetapi sebahagian besar rakyat.

Akhirnya, Tunku Abdul Rahman dalam ucapan menggulung perbincangan di Parlimen mengenai RUBK telah menyatakan bahawa selama 2 hari berbahas dengan wakil-wakil parti pembangkang, beliau dan rakan-rakannya tetap bertegas untuk mempertahankan RUBK. Tolak ansur yang dilakukan adalah semata-mata untuk kepentingan negara. Dalam ucapan itu juga, beliau turut menjelaskan sebab kerajaan tetap meluluskan rang undang-undang bahasa itu. Tujuannya ialah hendak memajukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.<sup>61</sup> Setelah menimbangkan kerjasama dan bantuan daripada kaum-kaum lain dalam mencapai kemerdekaan.<sup>62</sup> Di samping itu, Tunku juga menjelaskan mengenai isu kerajaan tidak membenarkan penggunaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai tempat persidangan untuk menentang rang undang-undang bahasa tersebut. Tunku menyatakan pihak pembangkang perlu sedar bahawa DBP merupakan sebuah badan kerajaan dan kerajaan telah membelanjakan berjuta ringgit untuknya, maka sewajarnya kerajaan tidak membenarkan persidangan itu kerana pihak pembangkang hanya akan mencaci kerajaan.<sup>63</sup>

Berhubung dengan tentangan hebat daripada parti pembangkang khususnya Parti PAS, Tunku menyatakan bahawa itu hanyalah tindakan untuk kepentingan diri dan parti mereka sahaja.<sup>64</sup> Akhirnya pada 3 Mac 1967, RUBK diluluskan oleh kerajaan sepertimana yang dikatakan Tunku:

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam jawatan-kuasa dan disetujui dengan pindaan. Dengan sebab itu saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang ini, sebagaimana yang telah dipinda itu dibacakan kali ketiga dan diluluskan.<sup>65</sup>

### **Reaksi Orang Melayu Terhadap Akta Bahasa Kebangsaan 1967**

Reaksi penentangan orang Melayu terhadap Akta Bahasa Kebangsaan 1967 yang paling jelas dapat dilihat pada 3 Mac 1967. Pada petang Jumaat itu, menyaksikan perhimpunan hampir 2000 orang Melayu daripada 120 pertubuhan bahasa, sastera, budaya, pelajar, politik, maktab, universiti dan orang perseorangan dari seluruh pelusok tanah air. Perhimpunan besar-besaran

dan bersejarah ini berlangsung di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.<sup>66</sup> Ia diadakan sebagai tanda penentangan terhadap keputusan kerajaan Perikatan meluluskan Akta Bahasa Kebangsaan 1967 dan dianggap sebagai kemuncak kepada penentangan akta tersebut.

Terdapat beberapa sebab mengapa mereka yang terlibat dalam perhimpunan menentang akta itu. Pertama, mereka berpandangan akta bahasa ini akan menyebabkan kerugian kepada bangsa Melayu. Kedua, akta bahasa ini tidak mengikut sepenuhnya kehendak dan semangat Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Ketiga, akta bahasa kebangsaan memperlihatkan pemimpin-pemimpin UMNO tidak memenuhi janji mengenai soal pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal pada tahun 1967.<sup>67</sup>

Di samping itu, suasana yang berlaku di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur ketika itu turut digambarkan dengan jelas oleh Usman Awang<sup>68</sup> dalam sajaknya yang bertajuk "Malam di Balai Budaya":

Malam itu di Balai Budaya,  
Api dan air mata.

Malam itu di Balai Budaya,  
Seorang guru tua berbicara,  
Berarak ke Parlimen,  
Aku di muka'.

Malam itu di Balai Budaya,  
Seorang peguam muda berkata,  
'Bakar Perlembagaan 152'.

Malam itu di Balai Budaya,  
Seorang pemuda berteriak,  
'Ayuh mari berarak'.

Malam itu di Balai Budaya,  
Para pelajar berikrar,  
"Dada kami sedia dibakar",  
Malam itu jugalah

Parlimen jadi petanda,  
Memenggal leher bahasa.<sup>69</sup>

Berdasarkan sajak ini, jelas menggambarkan suasana genting ketika itu. Malahan bahang perjuangan dan api semangat para pejuang untuk mempertahankan bahasa Melayu sebagai satu-satunya bahasa kebangsaan begitu terasa. Dalam perhimpunan itu juga keputusan telah diambil untuk mengadakan satu perarakan yang dikenali sebagai 'Perarakan Keranda 152'



oleh para inteligensia Melayu yang bergabung dengan Persatuan Penulis Tanah Air. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menjadi tulang belakang kepada gerakan tersebut untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi negara ini. Pengarah DBP ketika itu, Tuan Syed Nasir Ismail<sup>70</sup> yang juga merupakan bekas Naib Presiden UMNO merupakan tokoh ulung yang begitu lantang mengkritik kegagalan kerajaan dalam melaksanakan Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Rentetan peristiwa itu juga, satu memorandum yang ditandatangani oleh sembilan orang peguam dihantar kepada kerajaan untuk membantah akta tersebut.<sup>71</sup> Peguam-peguam tersebut meminta kerajaan menangguhkan perbahasan RUBK di Parlimen sehingga semua pandangan mengenai undang-undang tersebut telah dikumpulkan. Sebenarnya, tujuan perhimpunan tersebut adalah untuk mengadakan satu perarakan ke bangunan parlimen bagi menunjukkan penentangan mereka secara terang-terangan kepada ahli-ahli parlimen yang ketika itu sedang bersidang untuk membahaskan RUBK. Malahan sebelum itu, sebenarnya terdapat cadangan untuk mengadakan forum mengenai RUBK itu di Balai Budaya, DBP. Tetapi pihak polis telah mengambil tindakan untuk mengharamkan forum itu dan juga berjaya menghalang perarakan ke parlimen.<sup>72</sup> Walaupun bantahan orang Melayu terhadap Akta Bahasa Kebangsaan begitu hebat tetapi ia tidak memberi sebarang kesan, malahan kerajaan tetap meneruskan tindakan meluluskan akta tersebut pada 3 Mac 1967. Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak mengecam tindakan orang Melayu yang menentang Akta Bahasa Kebangsaan serta menyifatkan penentang itu sebagai palesit dan pengkhianat.<sup>73</sup>

Manakala pada keesokkan harinya, iaitu 4 Mac 1967, *Utusan Melayu* telah melaporkan bahawa sidang tergepar 400 orang perwakilan UMNO telah menyuarakan sokongan mereka terhadap Akta Bahasa Kebangsaan. Selain itu, Gabungan Sasterawan Sedar (GATRA) melalui ketuanya iaitu, Shahnnon Ahmad turut menyatakan sokongan penuh terhadap akta tersebut.<sup>74</sup> Sungguhpun penentangan terhadap Akta Bahasa Kebangsaan 1967 menemui kegagalan tetapi ia tidak pernah melunturkan semangat orang Melayu untuk terus memperjuangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi tunggal di negara ini.

### **Reaksi Orang Bukan Melayu Terhadap Akta Bahasa Kebangsaan 1967**

Keadaan berlainan pula dengan reaksi orang bukan Melayu. Ini disebabkan apabila RUBK dibentangkan di Parlimen, Tunku Abdul Rahman menerima banyak ucapan tahniah daripada orang bukan Melayu khususnya orang Cina. Malahan dalam masa yang sama akhbar-akhbar Cina dan Inggeris telah mengalu-alukan Rang Undang-undang Bahasa itu yang dianggap sebagai satu bukti dasar tolak ansur kerajaan kepada kaum bukan Melayu di negara ini.<sup>75</sup>

Berikutan penentangan dan kemarahan yang meluap-luap daripada orang Melayu terhadap Akta Bahasa Kebangsaan, Tan Siew Sin yang mewakili pihak MCA telah memberi jaminan bahawa bahasa Cina tidak akan menjadi bahasa rasmi. Jaminan ini dibuat untuk mententeramkan orang Melayu. Malahan beliau juga turut memberikan jaminan bahawa MCA tidak akan sekali-kali menggunakan Fasal 3 akta tersebut untuk mendapatkan pengakuan supaya bahasa Cina menjadi salah satu bahasa rasmi.<sup>76</sup>

Sementara itu, pemimpin Parti Progresif Rakyat Malaya, Datuk S.P. Seenivasagam pula menentang Akta Bahasa Kebangsaan 1967 kerana pada pendapatnya akta ini adalah semata-mata untuk kepentingan orang Melayu. Menurut beliau, akta ini telah memberikan kejayaan kepada tuntutan orang Melayu yang mahukan bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi yang tunggal di negara Malaysia. Selain itu, beliau juga mengecam tindakan Parlimen meluluskan akta tersebut yang pada pandangan beliau telah mengetepikan bahasa Cina dan bahasa Tamil.

Katanya lagi, kerajaan Perikatan lebih menghormati bahasa Inggeris yang tidak dituntut oleh mana-mana pihak. Di samping menyatakan bahawa bahasa Cina dan bahasa Tamil akan dipinggirkan apabila Akta Bahasa Kebangsaan dilaksanakan pada 1 September 1967. Justeru, beliau telah menuntut supaya bahasa Cina dan bahasa Tamil turut mendapat taraf yang sama dengan bahasa Melayu. Selain itu, beliau juga mengecam pengarah DBP yang sebelum ini lantang bersuara untuk mendaulatkan bahasa Melayu tetapi masih belum melaksanakannya. Oleh itu, beliau dan partinya membuat tuntutan yang mahukan penggunaan berbagai-bagai bahasa tanpa menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa tunggal. Namun demikian, tuntutan beliau itu telah ditolak secara langsung oleh kerajaan Perikatan.<sup>77</sup>

### **Reaksi Pertubuhan Dan Persatuan Terhadap Akta Bahasa Kebangsaan 1967**

Reaksi tentangan terhadap Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan 1967 turut dilakukan oleh pertubuhan dan persatuan. Pertubuhan dan persatuan ini bukan sahaja terlibat secara langsung dalam mengadakan rapat umum (Perarakan Keranda 152) dan menghantar memorandum sebagai langkah membantah dan menentang kelulusan akta tersebut pada 3 Mac 1967, tetapi juga telah memainkan peranan yang penting dalam memastikan perkembangan bahasa kebangsaan tidak terbantut.

Pada 4 Mac 1967, pelajar Kolej Islam Malaya telah mengadakan tunjuk perasaan selama tiga hari berturut-turut di dalam kawasan kolej tersebut.<sup>78</sup> Antara sebab-sebab penentangan pelajar terbabit adalah kerana Akta Bahasa Kebangsaan 1967 dianggap tidak menguntungkan rakyat kerana ia hasil tolak ansur yang keterlaluan sehingga bertentangan dengan kehendak Perlembagaan 1957 Fasal (1) Perkara 152 yang menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa

rasmi yang tunggal selepas 10 tahun kemerdekaan.<sup>79</sup> Pelajar-pelajar Kolej Islam Malaya telah bertindak membakar gambar Tunku sebagai menunjukkan protes mereka terhadap kelulusan akta tersebut. Ini menyebabkan kerajaan bertindak menutup Kolej Islam dan mengarahkan semua pelajarinya meninggalkan kampus.<sup>80</sup> Akhirnya, penentangan ini menemui kegagalan apabila kerajaan tetap memberikan kelulusan kepada Akta Bahasa Kebangsaan yang berkuatkuasa pada 1 September 1967.

Selain pelajar Kolej Islam Malaya, Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan (BBBK) merupakan antara persatuan yang terlibat dalam rapat umum yang dilakukan di DBP untuk menentang kelulusan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. BBBK telah menentang keras Akta Bahasa Kebangsaan 1967 dengan mengemukakan dua dokumen iaitu, Ketetapan Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan 1967 dan Ketetapan Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan Menuju Ke arah Berbilang Bahasa Ka-Mana Arah Tuju Bahasa Melayu?. Kedua-dua dokumen ini kemudiannya diharamkan oleh kerajaan.<sup>81</sup> BBBK begitu tegas dalam menentang kelulusan akta ini kerana merasakan ia gagal menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal bagi semenanjung Malaysia. Keadaan ini dapat dilihat apabila rang undang-undang tersebut dikemukakan di parlimen, BBBK telah menuntut supaya kerajaan mengubah rang undang-undang itu. Menyedari bahayanya tuntutan ini, Tun Abdul Razak telah membuat pengumuman bahawa kerajaan akan mengambil langkah yang positif untuk meluaskan penggunaan bahasa kebangsaan dalam semua bidang pada tahun hadapan.<sup>82</sup> K. Ramanathan, *Politik Dalam Pendidikan Bahasa*, hlm. 109.

## LAMPIRAN

### Akta Bahasa Kebangsaan, 1967

- (1) Akta Ini boleh-lah di-namakan Akta Bahasa Kebangsaan, 1967, dan hendak-lah berjalan kuatkuasa-nya mulai dari 1 hari bulan September, 1967. (2) Akta ini tidak-lah dipakai bagi Negeri2 Borneo.
- (2) Kecuali sa-bagaimana yang di-peruntokkan dalam Akta ini kemudian daripada ini dan terta'alok kepada perlindungan2 yang ada diperuntokkan dalam Pasal (1) perkara 152 dalam Perlembagaan berkenaan dalam mana2 bahasa lain dan bahasa mana2 kaum lain dalam Persekutuan, Bahasa Kebangsaan hendaklah di-gunakan untuk maksud2 resmi.
- (3) Tiada-lah apa2 jua dalam Act ini boleh menyentoh hak kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri menggunakan apa2 terjemahan bagi suratan2 atau perutusan2 resmi dalam bahasa mana2 kaum lain dalam persekutuan untuk apa2 maksud yang di-fikirkan perlu demi kepentingan awam.
- (4) Yang di-Pertuan Agong boleh membenarkan penggunaan bahasa Inggeris di-lanjutkan untuk apa2 maksud rasmi yang di-fikirkan patut.
- (5) Yang di Pertua Dewan Negara, bagi mana2 negeri atau sa-orang lain yang pada masa itu menjalankan tugas2 mana2 satu daripada dua Majlis Parlimen atau dari Dewan Negeri, mengikut mana yang berkenaan menggunakan bahasa Inggeris apabila membuat ucapan dalam mana2 satu daripada dua Majlis Parlimen atau dalam mana2 Dewan Negeri, ataupun apabila dengan jalan lain mengambil bahagian dalam kerjanya: dengan syarat tiada-lah apa2 jua dalam ini boleh menyekat bahasa Inggeris di-gunakan dalam mana2 satu daripada dua majlis Parlimen oleh seorang Ahli bagi atau dari sa-sabuah negeri Borneo.
- (6) Naskhah2-
  - (a) Bagi segala rang undang2 yang hendak dikemukakan atau pindaan2nya yang hendak dichadangkan dalam mana2 satu daripada dua Majlis Parlimen atau dalam Dewan Negeri bagi mana2 Negeri.
  - (b) Bagi segala Act Parlimen dan segala perundangan kecil yang di-keluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.



- (c) Bagi segala enakmen dan perundangan kechil yang dikeluarkan oleh mana-mana kerajaan Negeri dan
  - (d) Bagi segala ordinan yang di-istiharkan oleh yang di-Pertuan Agong hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang dahulu tersebut itu hendaklah berkuatkuasa melainkan jika yang di-Pertuan Agong selain-nya pada amnya atau berkenaan mana2 undang2 atau jenis undang2 yang tertentu.
- (7) (1) Tiada-lah apa2 jua dalam sekshen ini boleh menyentoh pindaan bagi mana2 jua undang2 bertulis yang telah di-perbuat sa-belum mula-nya berkuatkuasa Act ini sehingga undang2 bertulis itu telah diterjemahkan ke-dalam bahasa kebangsaan.
- (2) Jika mana2 undang2 bertulis yang telah diperbuat sa-belum mula-nya berkuatkuasa Act ini sehingga undang2 telah di-terjemahkan ke-dalam bahasa kebangsaan maka bolehlah Yang di-Pertuan Agong menetapkan terjemahan undang2 itu sa-bagai berkuatkuasa.
- (8) Segala pembicaraan (melainkan ka-terangan yang di-berikan oleh sa-seorang saksi) dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi atau mana2 Mahkamah Rendah hendaklah dalam bahasa kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris atau sa-bahagiannya bahasa Inggeris. Dengan syarat jika mahkamah dan peguam bagi kedua2 pihak atau mahkamah dan kedua2 pihak bersetuju, pembicharaan itu hendak-lah samada dalam bahasa kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris sahaja.

Sumber: Dipetik daripada Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd. Dain, *Pembinaan Bahasa Melayu: Perancangan Bahasa Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992

Selain itu, melalui Akta Bahasa Kebangsaan ini juga, kedudukan bahasa Inggeris bukan sahaja semakin kuat malah Fasal (3) dalam akta itu telah mencabul syarat-syarat asal dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Bahkan akta ini agak samar kerana tidak memperuntukkan had masa penggunaan bahasa Inggeris. Oleh yang demikian, BBBK berpendapat kesemua ini hanya akan memburukkan dan merendahkan nilai ekonomi bahasa kebangsaan. Di samping itu, BBBK juga mengkritik Fasal 3, Fasal 4 dan Fasal 5 serta menyatakan bahawa keadaan bahasa kebangsaan akan semakin terpinggir sekiranya akta tersebut diluluskan.

## Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, kemajuan bahasa kebangsaan dalam bidang pentadbiran dan pendidikan selepas 10 tahun negara mencapai kemerdekaan dilihat menunjukkan perkembangan positif. Hasil usaha keras kerajaan dan sokongan rakyat, peratus penggunaan bahasa kebangsaan dalam urusan di pejabat-pejabat pentadbiran telah melebihi 50 peratus. Manakala dalam bidang pendidikan pula, bahasa kebangsaan didapati semakin berkembang luas melalui penubuhan lebih banyak sekolah yang menggunakan bahasa pengantar bahasa Melayu di samping peningkatan jumlah pelajar yang mengikuti peperiksaan dalam bahasa Melayu.

Pengisytiharan Akta Bahasa Kebangsaan pada 3 Mac 1967 bukan sahaja memberikan tamparan terhadap para pejuang bahasa tetapi telah menghasilkan pelbagai reaksi daripada orang Melayu dan orang bukan Melayu. Reaksi ini jelas dapat dilihat dalam sidang perbahasan parlimen yang menyaksikan perbazaan pendapat di antara pihak kerajaan dan parti pembangkang. Ketika itu, pelbagai tohmahan dan kritikan dilemparkan kepada kerajaan.

Reaksi orang Melayu dapat dibahagikan kepada dua kerana terdapat orang Melayu yang menentang dan orang Melayu yang menyokong. Keadaan sama juga berlaku pada orang bukan Melayu kerana terdapat golongan yang menyokong dan menentang. Walau bagaimanapun, Akta Bahasa Kebangsaan diluluskan pada 3 Mac 1967 setelah melalui dua hari perbahasan di parlimen.

## Nota

- <sup>1</sup> Noriah Mohammed, *Sejarah Sociolinguistik Bahasa Melayu Lama*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1999, hlm. 41.
- <sup>2</sup> Ghazali Yunus, "Kertas Kerja Mengenai Bahasa Melayu dan Perkembangannya" dalam Abdullah Hassan (penyusun), *Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu I-IV (1952-2002)*, Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia, 2007, hlm. 363.
- <sup>3</sup> Mohd Taib Osman, "Sejarah Sepintas Lalu Perkembangan Bahasa Melayu/Indonesia," dalam *Di Sekitar Persoalan Bahasa Melayu 1957-1972*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm. 101.
- <sup>4</sup> Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1998, hlm. 230.
- <sup>5</sup> Joseph M. Fernando, *The Making of the Malayan Constitution*, Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS), 2002, hlm. 114-115.
- <sup>6</sup> Ramlah Adam, *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 279.
- <sup>7</sup> Tun Mohamed Suffian bin Hashim, *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, hlm. 441.
- <sup>8</sup> Malaysia, *Perlembagaan Persekutuan* (Terjemahan), Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, 1972, hlm. 171-172.
- <sup>9</sup> Tun Mohd. Salleh Abas, *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006, hlm. 51.
- <sup>10</sup> *Ibid.*, hlm. 310. (a) Boleh digunakan dalam kedua-dua Majlis Parlimen, dan Dewan Negeri dan juga dalam hal-hal rasmi yang lain. (b) Boleh digunakan sebagai naskhah yang sah bagi rang undang-undang dan pindaannya yang akan dikemukakan ke Parlimen dan juga bagi semua undang-undang yang dibuat oleh Parlimen dan undang-undang kecil yang dikeluarkan oleh kerajaan Persekutuan. (c) Boleh digunakan dalam perbicaraan di Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi. Tetapi dengan persetujuan mahkamah dan peguam bagi kedua-dua pihak, keterangan yang dituturkan oleh saksi dalam bahasa Melayu bolehlah dirakamkan dalam bahasa itu dan tidak perlu diterjemahkan dan dirakamkan dalam bahasa Inggeris. (d) Boleh digunakan dalam semua perbicaraan di Mahkamah Rendah, selain merakamkan keterangan sahaja.
- <sup>12</sup> Milton J. Esman, *Administration and Development in Malaysia: Institution Building and Reform in a Plural Society*, Ithaca and London: Cornell University Press, 1972, hlm. 32; Asmah Haji Omar, *Muafakat Bahasa: Sejarah MBIM/MABBIM Sebagai Pembina Bahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004, hlm. 28.
- <sup>13</sup> Tun Mohd. Salleh Abas, *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006, hlm. 310-311
- <sup>14</sup> Awang Sariyan, "Bahasa Melayu Di Malaysia: Suatu Tinjauan Tentang Perkembangan dan Masalahnya," dalam Asraf, *Manifesto Budaya, Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa*, Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia, 1996, hlm. 4.
- <sup>15</sup> Rencana Pengarang, "Pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Kebangsaan", dalam *Di Sekitar Persoalan Bahasa Melayu, 1957-1972*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm. 292.
- <sup>16</sup> *Utusan Melayu*, 18 Januari 1967.
- <sup>17</sup> *Utusan Melayu*, 4 April 1967.

- <sup>18</sup> Untuk keterangan lanjut sila rujuk Asraf Abdul Wahab, Awang Sariyan, Farid Onn dan Firdaus Abdullah, "Penyatuan Bahasa Melayu Se-nusantara", dalam *Kongress Bahasa dan Persuratan Melayu I-IV (1952-2002)*, Abdullah Hassan (penyusun), Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia, 2007; Kamaludin Muhammad (Keris Mas), *Majalah Bulanan Dewan Bahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, Jilid III Bilangan 5, Mei 1959, hlm. 228-232; *Mastika*, Mei 1961. Perkara 6 dalam Perjanjian Persahabatan itu berbunyi: Kedua pihak tertinggi yang mengikat perjanjian sedar akan hal bahawa bahasa Melayu dan Indonesia ialah berasal sama, akan berusaha dengan cara kerjasama, bantu membantu dan perundingan untuk mencapai persamaan seberapa luas yang boleh dalam perkembangan dan penggunaannya.
- <sup>19</sup> Asmah Haji Omar, *Muafakat Bahasa: Sejarah MBIM/MABBIM Sebagai Pembina Bahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004, hlm. 42.
- <sup>20</sup> Tun Mohd. Salleh Abas, *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia*, hlm. 51.
- <sup>21</sup> *Parliamentary Debates*, Dewan Rakyat (House of Representatives), Official Report, Third Session of The Second Parliament of Malaysia. Volume III, No. 45, 2 March 1967, Kuala Lumpur: Penchetak Kerajaan, 1968, hlm. 5990.
- <sup>22</sup> *Keranda 152: Bahasa Kita, Air Mata dan Maruah Kita*, Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia, 2002, hlm. 40.
- <sup>23</sup> Tun Mohamed Suffian bin Hashim, *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, hlm. 444.
- <sup>24</sup> Ahmat Adam, *Isu Bahasa Dan Pembentukan Bangsa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm. 87.
- <sup>25</sup> Hasan Adli, Undang-undang Bahasa Kebangsaan 28 Februari 1967, 4 April 1967, SP/28/A/38, Arkib Negara Malaysia.
- <sup>26</sup> K. Ramanathan, *Politik Dalam Pendidikan Bahasa*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1985, hlm. 106.
- <sup>27</sup> Hasan Adli, Undang-undang Bahasa Kebangsaan 28 Februari 1967, 4 April 1967, SP/28/A/38, Arkib Negara Malaysia.
- <sup>28</sup> Tanpa Pengarang, *Keranda 152: Bahasa Kita, Air Mata dan Maruah Kita*, Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia, 2002, hlm. 41.
- <sup>29</sup> K. Ramanathan, *Politik Dalam Pendidikan Bahasa*, hlm. 106.
- <sup>30</sup> *Keranda 152: Bahasa Kita, Air Mata dan Maruah Kita*, hlm. 42.
- <sup>31</sup> *Ibid.*, hlm. 43-44.
- <sup>32</sup> K. Ramanathan, *Politik Dalam Pendidikan Bahas*, hlm. 108.
- <sup>33</sup> *Keranda 152: Bahasa Kita, Air Mata dan Maruah Kita*, hlm. 89.
- <sup>34</sup> Siaran Akhbar, Ucapan Perdana Menteri Mengenai Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan, Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia, 26 Mac 1967.
- <sup>35</sup> *Parliamentary Debates*, Dewan Rakyat (House of Representatives), Official Report, Third Session of The Second Parliament of Malaysia. Volume III, No. 45, 2 March 1967, Kuala Lumpur: Penchetak Kerajaan, 1968, hlm. 5993.
- <sup>36</sup> *Ibid.*, hlm. 5995.
- <sup>37</sup> *Ibid.*
- <sup>38</sup> *Ibid.*, hlm. 6000.

- <sup>39</sup> Siaran Akhbar, Ucapan Perdana Menteri Mengenai Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan.
- <sup>40</sup> Tun Mohamed Suffian bin Hashim, *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, hlm. 444.
- <sup>41</sup> Ibid., hlm. 448.
- <sup>42</sup> Ibid., hlm. 449.
- <sup>43</sup> *Parliamentary Debates*, Dewan Rakyat (House of Representatives), Official Report, Third Session of The Second Parliament of Malaysia. Volume III, No. 45, Thursday, 2 March 1967, hlm. 6012.
- <sup>44</sup> Ibid.
- <sup>45</sup> Ibid., hlm. 6020-6036.
- <sup>46</sup> Ibid., hlm. 6038.
- <sup>47</sup> Ibid., hlm. 6042.
- <sup>48</sup> Ibid., hlm. 6047-6048.
- <sup>49</sup> Ibid., hlm. 6049.
- <sup>50</sup> Ibid., hlm. 6050-6051.
- <sup>51</sup> Ibid.
- <sup>52</sup> Ibid., hlm. 6059-6071.
- <sup>53</sup> Ibid., hlm. 6077.
- <sup>54</sup> Ibid., hlm. 6078-6080.
- <sup>55</sup> Ibid., hlm. 6087.
- <sup>56</sup> Ibid., hlm. 6098.
- <sup>57</sup> *Parliamentary Debates*, Dewan Ra'ayat (House of Representatives), Official Report, Third Session of the Second Parliament of Malaysia, Volume III, No. 46, 3<sup>rd</sup> March, 1967, Kuala Lumpur:Penchetak Kerajaan, 1968, hlm. 6125-6126.
- <sup>58</sup> Ibid., hlm. 6136-6143.
- <sup>59</sup> Ibid., hlm. 6146-6154.
- <sup>60</sup> Ibid., hlm. 6185-6196.
- <sup>61</sup> *Keranda 152: Bahasa Kita, Air Mata dan Maruah Kita*, hlm. 21.
- <sup>62</sup> Ibid., hlm. 23.
- <sup>63</sup> Ibid., hlm. 28. Petikan Ucapan Tunku Abdul Rahman "Dewan Bahasa ini rumah kerajaan dan kenalah rumah itu digunakan hendak bersidang di atas perkara-perkara yang tidak mencaci mencerca kerajaan. Adakah munasabah kita ini hendak pinjam rumah orang , buat kotor maki tuan rumah macam-macam".
- <sup>64</sup> *Parliamentary Debates*, Dewan Ra'ayat (House of Representatives), Official Report, Third Session of the Second Parliament of Malaysia, Volume III, No. 46, Friday, 3<sup>rd</sup> March, 1967, hlm. 6212-6222.
- <sup>65</sup> Ibid., hlm. 6226.
- <sup>66</sup> Untuk penjelasan lanjut sila rujuk, *Keranda 152: Bahasa Kita, Air Mata dan Maruah Kita*, hlm. 65-69.
- <sup>67</sup> Ibid., hlm. 40.
- <sup>68</sup> Usman merupakan seorang pejuang bahasa yang menggunakan nama pena 'Tongkat Warrant' dalam setiap hasil karyanya. Beliau telah menerima Ijazah Kehormat Doktor Persuratan dari Universiti Malaya dan juga anugerah Negara pada tahun 1983.
- <sup>69</sup> Usman Awang 'Malam di Balai Budaya', *Dewan Masyarakat* Jilid XIX Bilangan 7, 15 Julai /15 Ogos 1981, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 79 dan *Keranda 152: Bahasa Kita, Air Mata dan Maruah Kita*, Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia, 2002, hlm. 2.



- 
- <sup>70</sup> *Koleksi Ucapan Tun Syed Nasir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hlm. xxii.
- <sup>71</sup> Memorandum tersebut dihantar atas alasan bahawa penggunaan bahasa-bahasa lain akan menghalang tujuan pelaksanaan bahasa Kebangsaan.
- <sup>72</sup> Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd. Dain, *Pembinaan Bahasa Melayu: Perancangan Bahasa Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 36.
- <sup>73</sup> *Utusan Melayu*, 7 Mac 1967.
- <sup>74</sup> *Utusan Melayu*, 25 Mac 1967.
- <sup>75</sup> *Utusan Melayu*, 27 Februari 1967.
- <sup>76</sup> *Utusan Melayu*, 3 Mac 1967.
- <sup>77</sup> *Utusan Melayu*, 9 Mac 1967.
- <sup>78</sup> Ahmat Adam, *Isu Bahasa dan Pembentukan Bangsa*, hlm. 91.
- <sup>79</sup> Hasan Adli, Undang-undang Bahasa Kebangsaan 1966, 28 Februari 1967, 4 April 1967, SP/28/A/38.
- <sup>80</sup> *Utusan Melayu*, 7 Mac 1967 dan *Utusan Melayu* 8 Mac 1967.
- <sup>81</sup> Ahmat Adam. *Isu Bahasa dan pembentukan bangsa*, hlm. 90-91.